

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEDUA  
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

**PERTANYAAN : BUKAN JAWAB LISAN**

**DARIPADA : YB. DATO' SRI MUSTAPA BIN MOHAMED [ JELI ]**

**SOALAN**

**Y.B. DATO' SRI MUSTAPA BIN MOHAMED** minta **MENTERI PERDAGANGAN ANTARABANGSA DAN INDUSTRI** menyatakan menyatakan inisiatif-inisiatif yang diambil oleh Malaysia untuk mengurangkan halangan bukan tarif di rantau ASEAN sejak tahun 2015. Sejauh manakah inisiatif ini membantu meningkatkan jumlah dagangan di kalangan negara-negara ASEAN.

**JAWAPAN**

1. Langkah Bukan Tarif (*Non-Tariff Measures - NTM*) dan Halangan Bukan Tarif (*Non –Tariff Barriers - NTB*) adalah dua perkara yang berbeza. Secara umumnya, NTM adalah dibenarkan sekiranya pelaksanaannya konsisten dengan komitmen negara di bawah perjanjian-perjanjian antarabangsa dan serantau yang telah dipersetujui. Ia merangkumi keperluan pelesenan, pematuhan kepada piawaian antarabangsa serta keperluan spesifik lain yang dilaksanakan atas sebab-sebab yang tertentu seperti kesihatan, keselamatan dan kepentingan awam. Walau bagaimanapun, aplikasi NTM yang tidak dapat dijustifikasi, bersifat melindungi pasaran tempatan, mengurangkan persaingan atau terlalu kompleks sehingga memberi kesan kepada aktiviti perdagangan pula diklasifikasikan sebagai NTB. Pengenaan NTM dan NTB masih kekal sebagai penghalang utama terhadap aliran barang serta rangkaian perdagangan dan pengeluaran yang lebih baik di rantau ASEAN.

2. Usaha penghapusan NTM dan NTB di peringkat ASEAN merupakan salah satu keutamaan di bawah Pelan Komuniti Ekonomi ASEAN (*ASEAN Economic Community Blueprint*) yang mana program kerja NTM di peringkat nasional dan serantau sedang giat dijalankan. Program kerja tersebut merangkumi langkah pengemaskinian secara berterusan bagi NTM dan NTB yang baru dilaksanakan oleh setiap negara anggota ASEAN serta pengumpulan senarai kes-kes sebenar NTM dan NTB yang dihadapi oleh komuniti perniagaan bagi menyokong proses menganalisis dasar sedia ada serta penggubalan dan penambahbaikan dasar dan strategi di bawah program kerja tersebut.
3. Malaysia adalah antara negara yang lantang menyuarakan kebimbangan terhadap peningkatan jumlah NTM dan NTB di kalangan negara-negara ASEAN. Malaysia secara konsisten menyuarakan pandangan dan saranan di pelbagai platform seperti Sidang Kemuncak ASEAN, Mesyuarat Menteri-Menteri Ekonomi ASEAN dan Mesyuarat Pegawai-Pegawai Kanan Ekonomi ASEAN mengenai langkah-langkah dan inisiatif-inisiatif fasilitasi perdagangan yang perlu diambil bagi membendung dan seterusnya mengurangkan NTM dan NTB.
4. Dua komponen utama yang sentiasa ditekankan oleh Malaysia dalam memberi kesan positif kepada aliran perdagangan yang lebih lancar di ASEAN adalah ketelusan dan penyeragaman (harmonisasi) piawaian dan peraturan. Ketelusan dan kepatuhan ke atas prosedur notifikasi (*notification procedures*) akan membantu komuniti perniagaan untuk bersedia terhadap sebarang perubahan yang mungkin memberi kesan kepada operasi perniagaan mereka, manakala harmonisasi dalam keperluan berkaitan piawaian atau peraturan teknikal pula akan membolehkan aktiviti perdagangan dijalankan dengan lebih mudah serta menjimatkan masa dan kos.
5. Semasa Mesyuarat Menteri-Menteri Ekonomi ASEAN ke-49 di Manila, Filipina pada bulan September 2017, cadangan Malaysia berhubung langkah-langkah untuk menangani isu NTM dan NTB telah dipersetujui oleh negara-negara ASEAN yang lain. Malaysia antara lain telah mencadangkan

agar satu garis panduan yang jelas diwujudkan sebagai asas dalam mengkategorikan NTB di kalangan NTM, pelaksanaan sepenuhnya komitmen dan prosedur notifikasi di bawah *ASEAN Trade in Goods Agreement* (ATIGA), serta penambahbaikan kepada proses konsultasi dengan pihak swasta dalam mengenal pasti NTB yang memberi kesan kepada aktiviti perniagaan mereka.

6. Susulan daripada itu, Mesyuarat Menteri-Menteri Ekonomi ASEAN ke-50 di Singapura pada bulan Ogos 2018 telah mengesahkan Garis Panduan Mengenai NTM (*Guidelines for the Implementation of ASEAN Commitment on Non-tariff Measures on Goods*) dalam usaha untuk memastikan ketelusan dalam pengurusan NTM dan seterusnya mengurangkan kesan negatif NTB terhadap aktiviti perdagangan. Sekretariat ASEAN sedang dalam proses menyusun setiap amalan domestik negara-negara anggota ASEAN mengenai NTM dan NTB untuk membangunkan pelan kerja bagi melaksanakan prinsip-prinsip dalam Garis Panduan NTM dan NTB tersebut.

7. Selain itu, di peringkat serantau, negara-negara ASEAN termasuk Malaysia telah mengambil pelbagai inisiatif untuk menangani isu berkaitan NTM dan NTB seawal tahun 2005 lagi melalui langkah-langkah fasilitasi perdagangan seperti:

- (i) pengaktifan semula Jawatankuasa Perundingan Bersama Fasilitasi Perdagangan ASEAN (*ASEAN Trade Facilitation Joint Consultative Committee*, ATF-JCC) pada tahun 2015. ATF-JCC bekerjasama dengan sektor swasta dalam mengenal pasti, mengurang dan menghapuskan NTM dan NTB termasuk membangunkan Garis Panduan NTM ASEAN;
- (ii) mewujudkan platform *ASEAN Solutions for Investments, Services and Trade* (ASSIST) pada tahun 2015 yang merupakan kemudahan sesi konsultasi atas talian untuk menangani permasalahan yang dihadapi oleh komuniti perniagaan dalam perdagangan rentas sempadan yang

berkaitan dengan pelaksanaan perjanjian-perjanjian ekonomi ASEAN;

- (iii) mempercepatkan proses penyesuaian piawaian dan pematuhan (*Standards and Conformance*) dan keperluan teknikal yang berbeza-beza di kalangan negara-negara anggota ASEAN melalui Aturan Pengiktirafan Bersama (*Mutual Recognition Arrangement – MRA*);
- (iv) membangunkan Repotori Perdagangan ASEAN (*ASEAN Trade Repository – ATR*) sejak tahun 2015 yang berperanan sebagai sebuah pusat sehenti (*one-stop centre*) dalam menyediakan maklumat berhubung undang-undang berkaitan perdagangan dan prosedur perkastaman bagi negara-negara ASEAN;
- (v) pelaksanaan sistem *ASEAN Single Window* (ASW) yang membolehkan pertukaran dokumen atau data perdagangan secara interaktif dan atas talian bagi urusan eksport dan import yang lebih efisyen dan lancar;
- (vi) melaksanakan Skim Perikraran Sendiri ASEAN (*ASEAN Self-Certification Scheme*) yang membenarkan pengeksport dan pengeluar untuk memperakukan sendiri Sijil Tempasal (*Certificate of Origin*) mereka;
- (vii) mewujudkan Sistem Transit Kastam ASEAN (*ASEAN Customs Transit System*) di mana pengurusan transit Kastam dilakukan melalui sistem komputer bagi meningkatkan kecekapan dan keberkesanan prosedur transit; dan
- (viii) pembentukan pangkalan data NTM di rantau ASEAN melalui sistem dalam talian yang diwujudkan secara bersama oleh Sekretariat ASEAN dengan kerjasama ERIA (*Economic Research Institute for ASEAN and East Asia*) dan ARISE

(ASEAN *Regional Integration Support by the EU*) selaras dengan Pelan Tindakan Strategik Fasilitasi Perdagangan AEC 2025.

8. Berdasarkan sumber dari *United Nations Conference on Trade and Development* (UNCTAD), sehingga 25 Jun 2019 terdapat sebanyak 5,894 NTM/NTB yang dilaksanakan oleh negara-negara anggota ASEAN. Jumlah ini merupakan pengurangan sebanyak dua (2) peratus daripada jumlah NTM/NTB yang dilaporkan pada tahun 2016 iaitu sebanyak 5,975. Pengurangan bilangan NTM/NTB ini juga menunjukkan kesan positif daripada langkah-langkah fasilitasi perdagangan yang dilaksanakan oleh negara-negara anggota ASEAN.
9. Tidak dinafikan bahawa usaha untuk mengurang dan memansuhkan NTM dan NTB ini bukanlah sesuatu yang mudah. Ini adalah memandangkan setiap negara anggota ASEAN mempunyai latar belakang ekonomi dan kepentingan yang berbeza di antara satu sama lain. Walau bagaimanapun, negara-negara anggota ASEAN telah menyatakan komitmen untuk terus mengambil langkah-langkah untuk mengurangkan dan memansuhkan NTM dan NTB di bawah Pelan Tindakan Komuniti Ekonomi ASEAN 2025.
10. Di peringkat Malaysia pula, kita sedar bahawa komitmen untuk memastikan kelancaran perdagangan (*seamless trade*) adalah satu usaha menyeluruh yang melibatkan kerjasama semua pihak. Ini mengambil kira prosedur dan peraturan perdagangan di Malaysia melibatkan pelbagai Kementerian dan Agensi. Justeru itu, MITI sebagai Kementerian utama yang mengendalikan isu-isu berkaitan perdagangan seperti NTM dan NTB ini, akan sentiasa melaksanakan aktiviti penyelaras dan konsultasi dengan pihak berkepentingan bagi memastikan permasalahan yang dihadapi oleh komuniti perniagaan sentiasa dipantau dan disusuli sehingga selesai.

Sekian, terima kasih.